

PENGANTARABANGSAAN PERIBAHASA MELAYU MELALUI PERTANDINGAN PIDATO ANTARABANGSA BAHASA MELAYU (PABM)

Zarien Nurlieyana Aminuddin dan Norazlina Mohd Kiram

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia.

ABSTRAK

Peribahasa merupakan susunan kata yang mempunyai maksud tersurat dan tersirat. Masyarakat Melayu tradisional menggunakan peribahasa untuk menasihati, menegur dan mendidik anggota masyarakatnya, dengan tidak tanpa menyinggung perasaan atau menjatuhkan air muka pendengar. Walau Bagaimanapun, masih ada dalam kalangan masyarakat yang memandang rendah terhadap nilai peribahasa Melayu dan meminggirkannya dalam percakapan sehari-hari. Tujuan kajian ini, adalah untuk menerangkan fungsi peribahasa Melayu dalam teks pidato peserta pertandingan akhir PABM, dan perkaitannya dengan bahasa, adat dan budaya Nusantara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan teks. Data diambil daripada transkripsi rakaman video pertandingan akhir PABM 2023. Terdapat sembilan peserta akhir merangkumi tiga kategori, iaitu Alam Melayu (3), Antarabangsa (3) dan Pelajar Antarabangsa di Malaysia (3). Peserta terdiri dari negara Malaysia, Brunei, China, Pakistan, Bangladesh, Timor-Leste dan Uzbekistan. Data peribahasa dianalisis dengan menggunakan gagasan pemikiran Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) melalui buku Ilmu Mengarang Melayu (1965). Hasil kajian menunjukkan bahawa teks pidato mengandungi 20 peribahasa Melayu, iaitu jenis perumpamaan (11), bidalan (6), perbilangan (1), dan pepatah (2). Secara keseluruhannya, kajian ini dapat mengantarabangsakan peribahasa Melayu, sekali gus mengangkat sastera dan budaya Nusantara ke persada dunia. Melalui cara ini, kearifan tempatan dan akal budi Melayu dapat diwarisi secara turun-temurun merentas masa dan zaman.

Kata kunci: Inventori segmental; fonem; dialek Negeri Sembilan; nasal

Internationalisation of Malay Idioms in the International Malay Language Speech Competition

ABSTRACT

INFO MAKALAH

Dihantar: 1 Ogos 2024

Diterima: 5 November 2024

Diterbitkan: 30 November 2024

Volume 11, Isu 2, November 2024

E-mel:

ezliefyana@gmail.com (Zarien Nurlieyana Aminuddin)

*Penulis Penghubung

An idiom is a set of words with a perceptible and underlying meaning. The traditional Malay community uses idioms as a means to advise, chide, and educate its members without offending or undermining the recipient's pride or ego. However, there remains those in the

community who underestimate the significance of Malay idioms and neglect their use in everyday conversations. The purpose of this study is to explain the role of Malay idioms in the oratory text of competitors in the PABM final competition, and its relationship with the language, traditions, and culture of the Malay Archipelago or Nusantara. This study employed a qualitative approach and contextual analysis method. The data was retrieved from a video recording transcript of the 2023 PABM final competition. There were nine finalists, comprising three categories: Malay (3); International (3); and International Students in Malaysia (3), from Malaysia, Brunei, China, Pakistan, Bangladesh, Timor-Leste, and Uzbekistan. The data was analysed using the theory of Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) through the book Ilmu Mengarang Melayu (1965). The results of this study show that the oratory text contains 20 Malay idioms, which are perumpamaan (11), bidalan (6), perbilangan (1), and pepatah (2). Overall, this study has the potential to globalise Malay idioms, bringing the Nusantara's literature and culture to an international audience. This approach allows Malay ethos and local wisdom to be passed down over distance and over time from one generation to the next.

Keywords: idioms; local wisdom; ethos; Nusantara

PENGENALAN

Peribahasa merupakan susunan kata yang mempunyai maksud tersurat dan tersirat. Susunan kata ini merangkumi falsafah, kepercayaan dan norma bangsa Melayu dengan cara orang Melayu melihat alam di sekelilingnya (Asmah Hj Omar, 2008). Masyarakat Melayu mencipta kata-kata indah dan tersirat dengan tujuan untuk menyampaikan maksud tertentu. Zainal Abidin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba (1965) menyatakan bahawa, peribahasa mempunyai susunan kata yang pendek dengan makna, bijak dan sedap didengar untuk memberi bandingan, teladan dan pengajaran. Peribahasa turut berperanan sebagai ungkapan berbentuk teguran, nasihat dan sindiran tanpa rasa marah atau kecil hati. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2018), peribahasa ialah kiasan yang ringkas dengan makna yang tepat, padat dan bersifat kompleks. Oleh itu, masyarakat Melayu tradisional menggunakan peribahasa untuk menasihati, menegur dan mendidik anggota masyarakatnya, dengan tidak menyenggung perasaan atau menjatuhkan air muka pendengar.

Setiap bangsa atau senusantara mempunyai peribahasa tersendiri untuk mencerminkan watak dan pemikiran sebuah bangsa (Abdullah Hussain, 2017). Hal ini demikian kerana peribahasa merupakan ayat pendek yang mengandungi kebenaran dan moral yang digunakan dalam kiasan. Justeru, setiap individu haruslah memahami peribahasa dan maknanya, yang banyak berkaitan dengan kehidupan manusia (Tenas Effendy, 2011). Peribahasa Melayu mengandungi renungan tentang perjalanan alam, tabiat manusia, nasib dan takdir, hasrat dan keinginan, pengalaman agamanya, undang-undang dan keadilan, kepemimpinan dan strategi menghadapi hidup dan maut (Muhammad Haji Salleh, 2020). Dengan kata lain, peribahasa Melayu tidak dicipta sewenang-wenangnya tetapi mengikut sosiobudaya bangsanya. Masyarakat Nusantara mempunyai banyak persamaan dalam menterjemahkan maksud tersurat dan tersirat sesuatu peribahasa. Tujuannya, untuk membentuk tutur kata dan tingkah laku yang mulia. Sebagai contoh, peribahasa Aceh *karajo biek elok dilakeh-lakehkan, jangan diselo dek nana buruak* menyampaikan mesej supaya jangan suka menunda-nunda untuk melakukan sesuatu yang baik. Jika tidak, kita akan melakukan sesuatu yang buruk. Jika tidak sibuk dengan kebaikan, kita akan sibuk dengan keburukan. Begitu juga peribahasa Minang, Sumatera Barat, *saari saalai banang, lamo-lamo menjadi salai kain*. Peribahasa ini bermaksud seseorang itu

haruslah mempunyai sifat sabar untuk mencapai keberhasilan terhadap sesuatu perkara yang dilakukan (Fitrawan Umar, 2018). Peribahasa tersebut sama dengan peribahasa Melayu, iaitu *sehari selembar benang, lama-lama menjadi kain*. Masyarakat luar Nusantara juga mempunyai peribahasanya yang tersendiri. Menurut Zaid Mohd Zin dan Wan Suhaila Wan Idris (2017), masyarakat Jepun sangat mementingkan sifat muafakat dan kerjasama dalam melaksanakan sesuatu kerja. Misalnya, peribahasa *kurako o tomo ni suru* (susah senang bersama) menjadi bukti kebangkitan Jepun selepas perang dunia kedua apabila rakyatnya hidup bermuafakat dan bangkit bersama-sama untuk kembali menguasai ekonomi dunia.

Menurut Idris Aman (2010), peribahasa bukan sahaja sebagai ungkapan lisan malah sebagai pelengkap wacana dalam pengucapan awam seperti pidato, debat, ucapan, ceramah dan diskusi. Hal ini demikian kerana peribahasa merupakan seni bahasa yang mengandungi makna tersirat dan digunakan untuk menyampaikan mesej secara halus dan berhemah. Peribahasa merupakan salah satu bukti tingginya akal budi orang Melayu. Bagaimanapun, penggunaan peribahasa dalam pertandingan pidato, terutama pada peringkat antarabangsa masih kurang digunakan. Malah, ada dalam kalangan pemidato yang menyampaikan kritikan dan peringatan terhadap sesuatu isu secara terang-terangan sehingga menyinggung perasaan pendengar. Tutur kata tersebut mengakibatkan ancaman air muka kepada individu yang dilawan bicara atau pendengar (Indirawati Zahid, 2008).

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif yang berikut:

- i. Menerangkan fungsi peribahasa Melayu dalam teks pidato peserta pertandingan akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM).
- ii. Menghuraikan perkaitannya dengan bahasa, adat dan budaya Nusantara.

SOROTAN KAJIAN

Peribahasa merupakan seni bahasa yang mengandungi maksud tertentu dan bertujuan untuk menyampaikan mesej secara berhemah kepada pendengar. Menurut Za'ba (1962), bidalan, pepatah, perbilangan dan perumpamaan mengandungi elemen peribahasa. Penggunaan peribahasa dalam masyarakat Melayu terus berkembang daripada generasi kepada generasi walaupun masa dan zaman berubah. Pada masa ini, peribahasa masih digunakan untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat secara halus. Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Abdul Fuad Mat Hassan (2018), peribahasa merupakan kata-kata indah yang menggambarkan akal budi dan nilai berbahasa masyarakat Melayu yang tinggi.

Hal ini demikian kerana, peribahasa mempunyai makna yang mendalam sebagai lambang jati diri bangsa dan terus digunakan secara meluas dalam wacana lisan ataupun tulisan. Penggunaan seni bahasa dalam pengucapan awam bertujuan untuk memperindah bahasa, di samping meningkatkan keupayaan khalayak untuk mengingati mesej, selain menimbulkan kesan yang diingini pengucap daripada ucapannya (Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2018). Justeru, peribahasa merupakan ungkapan kata yang dapat mempengaruhi khalayak secara berkias dan berhemah demi mencapai resolusi yang dihasratkan oleh pengucap.

Mohamad Hussin dan Samsur Rijal Yahaya (2022) telah melakukan kajian menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis kandungan teks dalam kajian gaya bahasa kiasan dan retorik dalam

titah Sultan Perak, DYMM Sultan Nazrin Shah. Tujuan kajian ini, untuk mengkaji gaya bahasa kiasan dan retorik dalam titah rasmi serta idea yang dipersembahkan. Data kajian ini diambil daripada teks ucapan titah baginda sempena “Konvokesyen Memperkuuh Pasak Negara” pada 2017. Pendekatan Gory Keraf dan Teori Moden Enos dan Brown telah digunakan untuk menganalisis data. Terdapat enam gaya bahasa kiasan yang digunakan oleh Sultan Nazrin, iaitu pendekatan Metafora (perbandingan), Personifikasi (benda yang tidak bernyawa), Simile (perbandingan antara dua benda dengan menggunakan kata perbandingan), Alegori (peluasan dan mengandungi ajaran moral), Sinekdoke (menyatakan keseluruhan) dan Paronomasia (bahasa kiasan yang mirip bunyi tetapi mempunyai perbezaan makna). Sebagai contoh, ayat gaya kiasan jenis metafora yang digunakan dalam titah Sultan Nazrin ialah *Institusi Raja berakar umbi di bumi ini lebih enam abad yang lalu*. Gaya kiasan Personifikasi pula ialah *Institusi Raja Melayu adalah subjek yang amat menghidupkan minda beta*, manakala gaya kiasan jenis Alegori dalam teks ucapan baginda ialah *di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung*. Kesimpulannya, penggunaan gaya kiasan daripada titah Sultan Nazrin dalam ucapannya mempunyai fungsi untuk memantapkan penyampaian idea, mengindahkan bahasa, dan memberikan kesan terhadap apa-apa yang ditegaskan.

Aminnudin Saimon dan Muhammad Asyraf Md.Rashid (2022) telah mengkaji “Konsep Kepimpinan dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik”. Kajian ini bertujuan untuk mencungkil akal budi Melayu yang tersirat dalam peribahasa berunsurkan kepemimpinan. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis kandungan teks. Data kajian diambil daripada buku Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai susunan Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). Analisis kajian ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan kaedah Rangka Rujuk Silang (RRS). Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 97 peribahasa yang mengandungi konsep kepemimpinan yang terdiri daripada pemimpin (48 peribahasa), gaya kepimpinan (32 peribahasa) dan orang yang dipimpin (17 peribahasa). Dapatkan kajian juga mendapati bahawa peribahasa yang dikaji mempunyai mesej, teguran yang positif, namun penuh sopan santun dalam berbahasa. Sebagai contoh peribahasa berkonseptan pemimpin, iaitu *seperti gajah dengan sengkalanya* yang membawa maksud orang yang berkuasa dapat berbuat sesuka hatinya terhadap orang yang lemah dan *sebuah lesung seekor ayam jantannya* bermaksud bagi setiap kaum ada seorang pemimpin yang akan memimpin. Peribahasa yang berunsurkan gaya kepemimpinan pula ialah *mati dicatuk katak* yang bermaksud orang berkuasa dikalahkan oleh orang yang lemah dan peribahasa berkonseptan orang yang dipimpin ialah *ayam didik*, iaitu orang yang dilatih untuk menjadi pengganti kepada pemimpin berkenaan. Dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa pendekatan semantik inkuisitif berupaya memperkaya kepelbagaiannya ilmu peribahasa dan akal budi yang tersirat dalam masyarakat Melayu, terutama berkonseptan kepemimpinan.

Mazlan Abu Bakar et al. (2021) telah melakukan kajian yang bertujuan untuk memperlihatkan hubungan dialektikal antara bahasa dengan kepemimpinan. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan teks. Data kajian diambil daripada Tekst Perutusan Kemerdekaan Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, iaitu Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak sempena hari Kemerdekaan kali ke-59. Analisis data kajian ini menggunakan Model Analisis Wacana Kritis (AWK) oleh Norman Fairclough dengan memfokuskan tekstual (aspek leksikal) dan proses sosial (perbincangan dan tafsiran dalam analisis tekstual). Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat aspek metawacana, kosa kata peribahasa, kosa kata teks simpulan bahasa, kosa teks Islam dan kosa teks bahasa Inggeris paling dominan terkandung dalam teks ucapan yang dikaji. Sebagai contoh penggunaan peribahasa, ‘biar putih tulang jangan putih mata’ dan ‘Moments of Disunity’ dapat membuktikan penegasan pengucap terhadap sesuatu perkara yang hendak disampaikan. Dalam wacana yang telah disampaikan, terdapat elemen luahan perasaan, mengajak, memujuk dan

menyampaikan kehendak supaya pendengar memahami hala tuju kepemimpinannya. Kesimpulannya, peribahasa yang digunakan oleh pengucap mempunyai elemen untuk menegaskan bahawa sikap keperibadian, memerihalkan sikap negatif bangsa dan memberikan dorongan serta motivasi diri sempena kemerdekaan. Pengucap juga menggunakan ayat yang mudah, jelas, formal dan khusus supaya pendengar dapat mentafsirkan peribahasa secara tersurat dan tersirat.

Nur Aini Syah (2019) telah menjalankan kajian yang bertajuk “Penggunaan Gaya Bahasa Penegasan pada Kenegaraan Presiden RI dalam Rangka Hari Proklamasi Kemerdekaan RI yang Ke-70”. Kajian ini dilakukan, untuk mengenal pasti ragam gaya bahasa penegasan dan pengaruh yang dominan dalam ucapan rasmi presidennya. Data kajian diambil daripada teks Pidato Kenegaraan Presiden RI dalam Rangka Merayakan Hari Proklamasi Kemerdekaan RI yang ke-70. Sebanyak empat gaya bahasa yang terdapat dalam teks ucapan RI, iaitu gaya bahasa perbandingan, gaya bahasa sindiran, gaya bahasa penegasan dan gaya bahasa pertentangan. Misalnya, gaya bahasa perbandingan alegori (kiasan atau penggambaran) dalam teks ucapan, iaitu “iman adalah kemudi dalam mengarungi zaman”. Selain itu, terdapat unsur parabel (ungkapan pelajaran atau nilai tetapi dikiaskan atau disampaikan dalam cerita), seperti, “maka anak bebal seperti si anak buaya dijauhi teman-temannya karena musabab ia...”. Secara keseluruhan, pengucap menggunakan ungkapan peribahasa dalam pidatonya untuk menyampaikan mesej secara halus kepada rakyatnya. Hal ini termasuklah menyatakan aspirasi, agenda, tujuan dan matlamat negara, terutama berkaitan dengan kemerdekaan negara Indonesia.

Norazlina Mohd Kiram (2002) telah mengemukakan satu analisis tentang penggunaan kiasan Melayu dalam pengucapan awam. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji bentuk kiasan Melayu dalam Teks Ucapan Belanjawan Negara 1988. Pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan teks digunakan untuk menganalisis 18 kiasan Melayu. Data kajian dianalisis dengan menggunakan kerangka konsep Saffian Hussain (1988) dan Muriel Saville-Troike. Analisis kajian mendapati bahawa sebanyak 27% kiasan berbentuk peribahasa adalah paling dominan, diikuti 28% kiasan berpindah dan 5% kiasan bukan peribahasa. Penggunaan kiasan Melayu dalam teks ucapan merupakan strategi untuk memujuk, meminta simpati, menasihati, mempengaruhi, meyakinkan, memberikan peringatan, menempelak dan mengkritik. Kesimpulannya, kiasan Melayu merupakan salah satu strategi komunikasi yang berkesan.

METODOLOGI

Pendekatan kualitatif dan analisis kandungan teks digunakan untuk mengenal pasti penggunaan peribahasa dalam rakaman video peserta akhir Pertandingan Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) 2023. Semua pidato telah dibuat transkripsi dan disemak. Sebanyak 20 data peribahasa telah diperoleh daripada sembilan peserta akhir dalam pertandingan akhir PABM 2023. Terdapat tiga kategori yang dipertandingkan, iaitu Alam Melayu (AM-3 peserta), Antarabangsa (A-3 peserta) dan Pelajar Antarabangsa di Malaysia (PAM-3 peserta). Peserta terdiri dari negara Malaysia, Brunei, China, Pakistan, Bangladesh, Timor-Leste dan Uzbekistan. Data peribahasa dianalisis dengan menggunakan gagasan pemikiran Zainal Abidin Ahmad (Za’ba), dalam pemupukan nilai dan etika bahasa yang digarap dalam bahagian *Cabang yang Tinggi*, iaitu peribahasa. Kajian ini memfokuskan Bidalan (perbandingan dan teladan), Pepatah (bijak perkataannya dan benar pengajarannya), Perbilangan (disebut satu-satu dan isinya telah dihitung, seperti undang-undang) dan Perumpamaan (sesuatu maksud kata yang dikiaskan kepada sesuatu perkara lain dan ertiinya dua lapis). Peribahasa yang

bererti selapis sahaja terdiri daripada bidalan, pepatah dan perbilangan. Manakala, peribahasa yang bererti dua lapis ialah perumpamaan. Perincian data kajian ini adalah seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Peribahasa dalam Pertandingan PABM

Jenis Peribahasa	Ayat
<p>Perumpamaan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Melentur buluh biarlah dari rebungnya</i> ▪ <i>Bagaikan irama dengan lagu</i> ▪ <i>Umpama aur dengan tebing</i> ▪ <i>Melentur buluh biarlah dari rebungnya</i> ▪ <i>Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya</i> ▪ <i>Musuh dalam selimut</i> ▪ <i>Ibarat gunting dalam lipatan</i> ▪ <i>Api dalam sekam</i> ▪ <i>Sudah terang lagi bersuluh</i> ▪ <i>Bagai isi dengan kuku</i> ▪ <i>Bagai beliung dengan asahan</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ “Fitrah seorang anak suci yang belum mengenal dunia dan memahami dunia bagaikan hamparan kain putih. Ibu bapalah yang seyogia melakar dan mewarnainya. Leluhur kita juga berpesan <i>melentur buluh biarlah dari rebungnya</i>. Bahkan, peranan ilmu dalam institusi keluarga sudah lama...” (AM: peserta ke-1) ▪ “Betapa pemikiran menjadi asbab keruntuhan Pattani memberi konklusi bahawa kelangsungan bangsa, kemartabatan bahasa <i>bagaikan irama dengan lagu, umpama aur dengan tebing</i>, saling bertaut, tidak boleh dipisahkan...” (AM: peserta ke-2) ▪ “Dalam laporan Razak 1956, mewajibkan bahasa Melayu di sekolah telah menyemai nilai-nilai integrasi nasional dari peringkat akar umbi. Bak kata pepatah Melayu <i>melentur buluh elok dari rebungnya...</i>” (A: peserta ke-6) ▪ “Kita bukan sekadar mahu menjadi manusia, kita perlu juga menjadi insan yang ada nilai dengan ehsan. Baru kita akan jadi sebuah negara maju dalam acuan tersendiri. Ia bukan satu tugas yang mudah. Iyelah peribahasa Melayu mengatakan <i>kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya?</i> Betul ke tak?...” (PAM: peserta ke-7) ▪ “Mengapa sukar untuk kita memaknai Malaysia Madani kerana kita ada banyak <i>musuh dalam selimut, ibarat gunting dalam lipatan, api dalam sekam</i>, yang sering berusaha untuk memecah belahkan perpaduan dan menghancurkan agenda negara”. (PAM: peserta ke-7) ▪ “...Bantuan terus menerus sampai kepada rakyat. Payung inisiatif Rahmah seperti menu rahmah, sumbangan tunai rahmah dan juga pakej internet perpaduan menjadi tetap Malaysia Madani. <i>Sudah terang lagi bersuluh</i>, nilai ehsan menyemai kasih sayang dan menanam nilai keikhlasan dalam setiap jiwa negara Malaysia...” (PAM: peserta ke-9) ▪ “Malaysia Madani asas perpaduan penting untuk melahirkan manusia yang berperi kemanusiaan. Rakyat bersatu padu menuju ke arah kemajuan dan kemodenan. Malaysia madani perpaduan tidak lagi boleh dipisahkan, <i>bagai isi dengan kuku, bagai beliung dengan asahan</i>. Oleh itu, rakyat

	<p>Malaysia jadikan visi Malaysia Madani dan menempah kejayaan”.</p> <p>(PAM: peserta ke-9)</p>
Perbilangan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat</i> <p>▪ “Masyarakat Malaysia boleh hidup dalam keadaan harmonis, saling bertoleransi dan saling ada semangat. Tidak dapat dinafikan, <i>bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat</i>”</p> <p>(PAM: peserta ke-9)</p>
Pepatah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Tak kenal maka tak cinta</i> ▪ <i>Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah</i> <p>▪ “...<i>tak kenal maka tak cinta</i>. Bagus! Maka untuk kenal bangsa-bangsa lain, belajarlah bahasa mereka. Paling tidak, kita tahu menyebut salam sejahtera, hai, hello, holla dan sebagainya...”</p> <p>(A: peserta ke-4)</p> <p>▪ “Malaysia Madani bermaksud negara Malaysia yang menekankan keterangkuman dan tadbir urus yang baik, masyarakat yang bersatu padu, maju dan bukan sahaja dalam sudut material, tetapi yang lebih penting lagi maju dari sudut pemikiran dan kerohanian agar Malaysia mampu <i>berdiri sama tinggi, duduk sama rendah</i> dengan negara-negara maju lain...”</p> <p>(PAM: peserta ke-7)</p>
Bidalan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Cubit paha kanan, paha kiri</i> ▪ <i>Benih yang baik tak akan hilang, dicampak ke laut menjadi benua</i> ▪ <i>Di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung</i> <p>▪ “Makna sebuah perpaduan keluarga bukan hanya mereka yang bergelar ibu ayah dan anak, namun ia untuk semua yang bergelar manusia. Iya, manusia. Yang bilang mana, bila mana cinta bertasbih, air mata dihujung sejadah. Yang bilang mana <i>cubit paha kanan, paha kiri</i> terasa juga. Kendatipun laungan perpaduan kini semakin lantang suarkan...”</p> <p>(AM: peserta ke-1)</p> <p>▪ “...jika ingin kemakmuran sepuluh tahun tanamlah pohon, jika ingin kemakmuran seratus ribu tahun didiklah manusia. Tuntasnya, <i>benih yang baik tak akan hilang, dicampak ke laut menjadi benua</i>, mahasiswa cemerlang negara terbilang dan bangsa bermaruah dimata dunia...”</p> <p>(A: peserta ke-5)</p> <p>▪ “...slogan Keranamu Malaysia, <i>di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung</i> perlu disemai dalam sanubari. Jadi, jangankan gerimis, hujan pun mari kita redahi, jangankan ribut, taufan pun mesti kita harungi, jangankan air bah, gelombang badai pun harus berani kita renangi, jangan gerhana, kelam gelita pun pasti kita terangi...”</p> <p>(A: peserta ke-6)</p>

<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah</i> ▪ <i>Bersatu kita teguh bercerai kita roboh</i> ▪ <i>Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ “Tekad yang harus kita pegang adalah raikan kepelbagaiannya, saling menerima, hormat menghormati agar kita kekal hidup harmoni. Buat apa yang perlu demi negara, elak apa yang tidak berguna. Peribahasa Melayu mengatakan <i>kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya...</i>”. (PAM: peserta ke-7) ▪ “Tun Sri Lanang dalam kitabnya Sulatus Saltin mengadakan musyawarah menghalusi konflik dan menghunus senjata bukanlah praktik. Pesannya, kesefahaman, kemuafakatan, setiap tindakan. Lantas peribahasa di Timur Laste harmutu kita belle (peribahasa Timor-Leste), <i>Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh</i>. Kedua pesan tentang keadilan....”. (PAM: peserta ke-8) ▪ “Golongan belialah menurut Humaira Hamzah merupakan tenaga simpanan negara yang bakal menjadi pemimpin masa depan penyumbang budaya, penggerak kemajuan. Bak kata pepatah “<i>pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara...</i>” (PAM: peserta ke-9)
--	--

Nota:

AM – Alam Melayu

A – Antarabangsa

PAM – Pelajar Antarabangsa di Malaysia

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati bahawa pidato peserta akhir PABM mengandungi 20 peribahasa Melayu, iaitu jenis perumpamaan (55%), bidalan (30%), pepatah (10%) dan perbilangan (5%). Sebanyak 11 perumpamaan telah diungkapkan, iaitu kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia (7), Antarabangsa (1), Alam Melayu (3). Bidalan pula diungkapkan oleh peserta dari kategori Antarabangsa (2), Pelajar Antarabangsa di Malaysia (3) dan Alam Melayu (1). Peserta yang mengungkapkan pepatah terdiri daripada dua kategori, iaitu Antarabangsa (1) dan Pelajar Antarabangsa di Malaysia (1). Perbilangan pula diungkapkan oleh peserta kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia (1). Semua peserta kategori Antarabangsa dan Pelajar Antarabangsa di Malaysia menggunakan peribahasa dalam pidato mereka. Manakala, hanya dua peserta yang mengungkapkan peribahasa dalam kategori Alam Melayu. Perbincangan lanjut adalah seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2. Kategori Peribahasa PABM

Peserta/ Kategori	Perumpamaan	Bidalan	Pepatah	Perbilangan	Jumlah
Alam Melayu (AM)					
AM1 - Brunei	1	1			2
AM2 - Malaysia	2				2
AM3 - Malaysia					0
<hr/>					
Antarabangsa (A)					
A4 - Uzbekistan			1		1
A5 - Uzbekistan		1			1
A6 - China	1	1			2

Pelajar Antarabangsa di Malaysia (PAM)					
PAM7 - Pakistan	4	1	1		6
PAM8 - Timor-Leste		1			1
PAM9 - Bangladesh	3	1		1	5
Jumlah	11 (55%)	6 (30%)	2 (10%)	1 (5%)	20

Perumpamaan

Menurut Za'ba (1965), perumpamaan ialah peribahasa yang menyebutkan sesuatu maksud dengan seumpamanya dikiaskan kepada sesuatu perkara lain. Oleh itu, ertinya menjadi dua lapis. Semua perumpamaan asalnya daripada bahasa kiasan, iaitu suatu barang dikiaskan kepada lain dan menerangkan maksudnya. Kemudian, keindahan isi dan tujuan kiasan itu, boleh dijadikan bidalan, lalu terbentuklah 'perumpamaan'. Oleh sebab perbandingan pada bahasa kiasan itu terkadang dinyatakan terang-terang dan terkadang tidak, maka terbahagilah perumpamaan kepada dua bahagian, iaitu disebut perbandingan dan tiada perbandingannya. Perumpamaan yang menyatakan perbandingan secara terang-terangan menggunakan kata perbandingan *seperti, umpama, bagi, ibarat, baik* dan perumpamaan yang tidak disebut perbandingan tidak didahului kata perbandingan. Perumpamaan yang diungkapkan oleh pemidato PABM adalah seperti yang berikut:

Data 1

"Fitrah seorang anak suci yang belum mengenal dunia dan memahami dunia bagaikan hamparan kain putih. Ibu bapalah yang seyogia melakar dan mewarnainya. Leluhur kita juga berpesan melentur buluh biarlah dari rebungnya. Bahkan, peranan ilmu dalam institusi keluarga sudah lama ..."

(AM:1)

Peribahasa *melentur buluh biarlah dari rebungnya*, bermaksud mendidik anak-anak hendaklah sejak mereka kecil lagi. Perkataan 'buluh' merupakan tumbuhan yang besar dan keras, manakala 'rebung' pula ialah buluh yang masih muda (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Ungkapan 'rebung' memberikan peringatan kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak dengan tutur kata dan tingkah laku yang baik sejak mereka dilahirkan. Pada usia ini, anak-anak mudah dilentur dan dibentuk. Mereka cepat mendengar kata dan menerima nasihat daripada ibu bapa. Dalam konteks pidato, pemidato menegaskan bahawa anak-anak ibarat kain putih yang bersih. Justeru, terpulang kepada ibu bapa untuk mencorakkan warna kehidupan anak-anak. Hal ini selari dengan sabda Rasulullah SAW, "*Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua-dua ibu bapanya lah yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi.*" (Hadis Riwayat Bukhari 1385). Masyarakat Melayu tradisional juga sentiasa mengingatkan ibu bapa agar menghayati makna peribahasa '*melentur buluh biarlah dari rebung*' dalam pendidikan anak-anak. Ibu bapa hendaklah

menerapkan ajaran agama dan memberikan ilmu pengetahuan yang secukupnya supaya anak-anak menjadi insan yang berguna. Misalnya, ungkapan ‘terima kasih’, ‘minta maaf’, ‘sayang’ dan sebagainya hendaklah dijadikan amalan dan budaya dalam institusi kekeluargaan. Jika anak-anak dilatih menyebut perkataan yang baik, maka lama-kelamaan mereka membesar menjadi individu yang halus budi pekertinya. Umpama ‘rebung’, tutur kata dan tingkah laku mereka mudah dibentuk. Begitu juga sebaliknya. Oleh itu, ibu bapa hendaklah menjadikan peribahasa ini sebagai pegangan dan panduan untuk mendidik anak-anak dengan sempurna.

Data 2

“Kita bukan sekadar mahu menjadi manusia, kita perlu juga menjadi insan yang ada nilai ihsan. Baru kita akan jadi sebuah negara maju dalam acuan tersendiri. Ia bukan satu tugas yang mudah. Iyelah peribahasa Melayu mengatakan kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya? Betul ke tak?”...

(PAM:7)

Peribahasa *kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya* bermaksud cita-cita tanpa usaha tidak akan tercapai, atau sesuatu kejayaan tidak akan dicapai tanpa usaha. Perkataan ‘ruyung’ merujuk kulit atau kayu yang keras daripada rumbia atau enau (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015). Manakala, ‘sagu’ pula terhasil daripada pokok rumbia yang mempunyai ruyung atau kulit kayu yang keras. Untuk mendapatkan sagu, kulit pada pokok rumbia tersebut perlu dipecah-pecahkan terlebih dahulu. Pokok rumbia pula sukar didekati kerana tumbuh berdekatan paya dan di hutan belukar. Dengan kata lain, sesuatu hasil itu bukanlah mudah untuk dicapai. Dalam konteks pidato, pemidato menyatakan bahawa setiap individu hendaklah memiliki nilai ihsan. Dengan adanya nilai ini, kita dapat membentuk negara Malaysia yang maju mengikut acuan sendiri. Dalam Islam, ‘ihsan’ mempunyai makna yang lebih luas, iaitu terkandung pelbagai nilai keperibadian baik dan menjauhkan diri daripada perbuatan buruk. Justeru, setiap individu perlu memahami dan menghayati nilai ihsan menurut ajaran Islam. Hal ini bertujuan untuk memperbaiki dan menjaga hubungannya dengan Tuhan tanpa dimensi ruang dan masa (Muhammad Ikram Abdul Halim, 2023). Dalam pembinaan negara maju, nilai ihsan memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha membentuk masyarakat berbudaya. Apatah lagi jika kita mahu menjadi negara maju mengikut acuan sendiri, iaitu memiliki identiti dan jati diri kebangsaan. Matlamat ini bukan mudah untuk dicapai kerana ada banyak cabaran dan halangan yang mesti ditangani. Jika tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh, matlamat tersebut sukar direalisasikan, ibarat *kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*.

Bidalan

Za’ba menerangkan bahawa bidalan lebih memberatkan sifat melekatnya di mulut orang ramai dan tentang bandingan dan teladan. Bidalan tetap mempunyai isi pengajaran dan fikiran yang benar. Bidalan berfungsi sebagai nasihat dan mempunyai maksud yang terkandung dengan perbandingan, teladan, dan pengajaran dalam sesuatu ungkapan.

Data 3

“Makna sebuah perpaduan keluarga bukan hanya mereka yang bergelar ibu ayah dan anak, namun ia untuk semua yang bergelar manusia. Iya, manusia. Yang bilang mana, bila mana cinta bertasbih, air mata dihujung sejadah. Yang bilang mana cubit paha kanan, paha kiri terasa juga. Kendatipun laungan perpaduan kini semakin lantang suarakan....”.

(PAM:1)

Peribahasa *cubit paha kanan, paha kiri terasa juga* bermaksud setiap kesusahan yang dialami oleh seseorang dalam kehidupannya turut dirasai oleh orang lain. Bidalan ini menerangkan keakraban hubungan, iaitu apabila kita ditimpa kesusahan maka ahli yang lain juga akan ikut terasa. Nilai kebersamaan ini tidak terbatas kepada ahli keluarga sahaja, tetapi juga melibatkan anggota masyarakat yang lain. Dalam konteks kajian, semangat perpaduan antara kaum dapat membentuk keluarga Malaysia yang utuh walaupun berbeza agama dan bangsa. Islam juga menganjurkan persaudaraan sesama umatnya tanpa perbezaan bangsa, bahasa dan warna kulit (Nazwan Karim, 2012). Sehubungan itu, kita hendaklah mengamalkan sikap saling hormat-menghormati dan bertoleransi untuk memperkuuh perpaduan di Malaysia. Dengan cara ini, kita dapat membina semangat kekeluargaan yang harmonis dan saling mengambil berat antara satu dengan lain. Jika ada anggota masyarakat yang menghadapi musibah, maka kita berusaha untuk memberikan bantuan dan pertolongan. Hal ini demikian, kerana kita sudah menjadi sebahagian daripada ahli keluarga, ibarat *cubit paha kanan, paha kiri terasa juga*. Justeru itu, semangat perpaduan mesti disemarakkan dalam kalangan rakyat Malaysia untuk mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara.

Data 4

“...slogan Keranamu Malaysia, di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung perlu disemai dalam sanubari. Jadi, Jangankan gerimis, hujan pun mari kita redahi, Jangankan ribut, taufan pun mesti kita harungi, Jangankan air bah, gelombang badai pun harus berani kita renangi, Jangan gerhana, kelam gelita pun pasti kita terangi...”

(A:6)

Peribahasa *di mana bumi di pijak, di situlah langit dijunjung* bermaksud kita hendaklah mengikut adat atau peraturan di tempat yang didiami atau tinggal. Ungkapan kata *di mana bumi dipijak* mendukung makna tempat kita berada, seperti tempat tinggal, tempat bermastautin dan tempat bekerja. Manakala, *di situlah langit dijunjung* bermaksud kita hendaklah mendukung adat, sosiobudaya, peraturan dan sistem nilai di tempat tersebut. Dalam hubungan ini, slogan ‘Keranamu Malaysia’ mesti dihayati sepenuhnya sebagai tanda kita cinta akan negara dan memiliki kesetiaan yang tidak berbelah-bahagi. Justeru, kita hendaklah memberikan sokongan yang jitu kepada negara dalam apa-apa juga keadaan. Dengan kata lain, susah dan senang diharungi bersama demi memastikan bahawa Malaysia kekal berdaulat. Ungkapan “*jangankan*” yang diulangi berkali-kali memberikan peringatan kepada rakyat Malaysia untuk menyemai semangat patriotisme yang tinggi dalam diri sendiri. Dengan semangat ini, kita sanggup meredah cabaran dan rintangan untuk memastikan kesejahteraan Malaysia tercinta.

Data 5

“...tekad yang harus kita pegang adalah raikan kepelbagaian, saling menerima, hormat menghormati agar kita kekal hidup harmoni. Buat apa yang perlu demi negara, elak apa yang tidak berguna. Peribahasa Melayu mengatakan kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya...”

(PAM:3)

Bidalan *kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya* bermaksud, kekuatan sesebuah kerajaan kerana orang besar-besarnya, kekuatan orang besar-besar kerana rakyatnya yang bersatu padu (*Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*, 2017). Peribahasa ini mencerminkan kekuatan sesebuah negara itu terletak pada jalinan kerjasama dan kesepakatan rakyatnya. Tidak kira sebesar mana pun sesebuah negara itu, semangat kerjasama sangat penting untuk merealisasikan aspirasi dan matlamat negara. Dengan kerjasama yang utuh antara pemimpin dengan rakyat, maka matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang maju dan harmoni dapat direalisasikan. Sehubungan itu, kita hendaklah meraikan persamaan dan perbezaan pandangan, serta memilih keputusan yang terbaik untuk negara. Hal ini jelas dinyatakan melalui ungkapan pemidato, “*...tekad yang harus kita pegang adalah raikan kepelbagaian, saling menerima, hormat menghormati agar kita kekal hidup harmoni. Buat apa yang perlu demi negara, elak apa yang tidak berguna...”*. Apabila kita hidup bersatu padu, maka kita akan menjadi negara dan bangsa yang kuat.

Perbilangan

Za’ba menjelaskan bahawa perbilangan seakan-akan bidalan dan pepatah, hanya perkataannya berperenggan-perenggan dua atau lebih, disebut lepas satu-satu seperti membilang dan isinya kebanyakan hampir, seperti orang membilang dan isinya hampir, seperti undang-undang yang tetap. Oleh itu, perbilangan mempunyai struktur yang hampir sama dengan pepatah dan bidalan. Perbilangan mempunyai kata yang berangkap-rangkap yang terdiri daripada dua baris atau lebih, dan disebut satu demi satu perkataan. Ungkapan perbilangan dalam teks pidato adalah seperti yang berikut:

Data 6

“Masyarakat Malaysia boleh hidup dalam keadaan harmonis, saling bertoleransi dan saling ada semangat. Tidak dapat dinafikan, bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.”

(PAM: 9)

Perbilangan, *bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat* bermaksud menyelesaikan sesuatu perkara atau pekerjaan dengan sepakat antara satu dengan lain. Ungkapan *bulat air kerana pembetung* menunjukkan keadaan air atau aliran air yang mengikut acuan, dan *bulat manusia kerana muafakat* bermaksud adanya unsur kesepakatan, kerjasama dan keakraban dalam satu pasukan. Tenas (2003) menjelaskan bahawa masyarakat Melayu selalunya membuat amalan perundingan untuk mendapatkan kata sepakat dan persetujuan. Dalam konteks kajian, masyarakat Malaysia boleh hidup dengan harmonis kerana masyarakatnya yang berbilang kaum mengamalkan sifat toleransi yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka saling bertolak ansur dan

hormat-menghormati antara satu dengan lain. Selain itu, semangat muafakat sentiasa menjadi amalan untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat. Dengan cara ini, keamanan dan kesejahteraan negara dapat dikekalkan. Tegasnya, kesepakatan anggota masyarakat sangat penting untuk memacu pembangunan dan kestabilan negara.

Pepatah

Za'ba (1965) menerangkan bahawa pepatah memberatkan sifat ringkasnya, bijak perkataannya dan bentuk pengajarannya, serta mempunyai ayat yang patah-patah perkataannya. Struktur pepatah merangkumi ayat yang berangkap dan pengulangan kata. Pepatah juga lebih dikenali dengan ungkapan yang berkaitan adat resam dan bertujuan untuk menegaskan sesuatu.

Data 7

“...tak kenal maka tak cinta. Bagus! Maka untuk kenal bangsa-bangsa lain, belajarlah bahasa mereka. Paling tidak, kita tahu menyebut salam sejahtera, hai, hello, holla dan sebagainya...”

(A:4)

Pepatah *tak kenal maka tak cinta* bermaksud apabila sudah tahu atau mengenali, barulah timbul suka. *Kamus Dewan Bahasa* (2015) mentakrifkan perkataan ‘kenal’ sebagai dapat mengetahui atau mengecam, manakala ‘cinta’ pula bermaksud perasaan atau berperasaan sayang kepada negara, orang tua, kebebasan, dan lain-lain. Dalam konteks kajian, kita dapat mengenali sesuatu bangsa jika kita mempelajari bahasa bangsa tersebut. Melalui bahasa, adat dan budaya bangsa dapat difahami dengan lebih baik. Dalam hal ini, Asmah Hj Omar (1987) menyatakan bahawa perbezaan bahasa akan menyebabkan wujudnya perbezaan antara dua kelompok penutur dari aspek budaya dan pemikiran. Hal ini termasuklah kehalusan tutur kata dan tingkah laku sesuatu bangsa. Sehubungan itu, pemidato menyarankan agar kita mempelajari sekurang-kurangnya perkataan asas seperti “salam sejahtera”, “hai”, “hello” dan “holla”. Apabila kita mengetahui perkataan dan makna bahasa tersebut, maka kita dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang budaya bangsa. Dari sinilah akan timbul perasaan suka dan minat untuk menguasai sesuatu bahasa. Selain itu, kemahiran insaniah juga dapat dipertingkatkan.

Data 8

“Malaysia Madani bermaksud negara Malaysia yang menekankan keterangkuman dan tadbir urus yang baik, masyarakat yang bersatu padu, maju dan bukan sahaja dalam sudut material, tetapi yang lebih penting lagi maju dari sudut pemikiran dan kerohanian agar Malaysia mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara maju lain...”

(PAM:7)

Maksud *berdiri sama tinggi, duduk sama rendah* dapat ditakrifkan sebagai kedudukan yang setaraf antara satu sama lain. *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (2011) pula mendefinisikan peribahasa ini sebagai setaraf atau sedarjat. Dalam konteks kajian, pemidato menggunakan peribahasa ini untuk mengaitkannya dengan hasrat kerajaan Madani yang mahu menjadikan Malaysia sebagai sebuah

negara maju setanding dengan negara lain. Perkataan “sama tinggi” dan “sama duduk” bermaksud Malaysia mampu bersaing dengan negara maju yang lain dalam semua bidang. Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan menumpukan sistem tadbir urus yang baik secara menyeluruh. Pada masa yang sama, perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum terus diperkujuh. Hal ini kerana negara mahu menjadi negara maju mengikut acuan sendiri mencakupi material, pemikiran dan kerohanian. Sehubungan itu, Malaysia dapat *berdiri sama tinggi, duduk sama rendah* dengan negara maju yang lain, dengan tidak mengetepikan jati diri bangsa.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis kajian ini didapati bahawa penggunaan peribahasa diterapkan dengan meluas oleh peserta pertandingan PABM. Peribahasa adalah dominan dan cenderung digunakan dalam pidato untuk menerapkan bahasa yang indah dan menarik. Peribahasa seumpama ini memberikan kesan untuk menyampaikan mesej, sekali gus mengangkat martabat bahasa kebangsaan di persada dunia. Keupayaan menyampaikan ucapan dengan isi yang jelas dan pengukuhan pendirian yang menarik dapat disumbangkan melalui keindahan bahasa (Mohamad Zahir Zainuddin, 2023). Sehubungan itu, hasil kajian ini juga dapat memperkaya maklumat tentang kajian peribahasa dan memberikan nilai tambah berkaitan dengan penggunaan peribahasa, khususnya dalam pengucapan awam. Za’ba menyatakan bahawa peribahasa merupakan lidah pendeta yang menjadi cerminan budi bahasa dan budaya bangsa serta mempunyai nilai santun yang tinggi.

Peribahasa merupakan khazanah masyarakat Nusantara dan leluhur Melayu yang *tak lapuk dek hujan* dan *tak lekang dek panas*. Masyarakat Melayu Nusantara menggunakan peribahasa untuk menerapkan didikan dan pengajaran kepada anggota masyarakat, terutama generasi muda tentang cara hidup, sistem nilai dan kepercayaan. Oleh itu, penggunaan peribahasa dalam pengucapan awam, seperti pidato perlu diperluas kerana peribahasa mempunyai nilai yang tersendiri dan gaya bahasa yang santun. Penggunaan bahasa yang santun dan berbudi bahasa, iaitu beradab dapat mempamerkan keperibadian diri yang mulia serta menunjukkan penghormatan yang tinggi kepada teman bicara (Awang Sariyan, 2015). Sesungguhnya, peribahasa Melayu menjadi lambang kearifan tempatan masyarakat Melayu Nusantara.

RUJUKAN

- Abdul Halim. M.I. (2023). *Suburkan Nilai Ihsan Pandu Masyarakat Negara Bebas Rasuah*, Rencana Berita Harian, <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/02/1062350/>
- Abu Bakar. M, Zainon Hamzah.Z.A & Saimon. A.(2021). Ideologi Kepemimpinan dalam Ucapan Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(2), 136-154. <http://irep.iium.edu.my/94395/>
- Ahmad. A. M. (2018). *Komunikasi dan Jati Diri: Mengkomunikasikan Kehebatan Silam demi Membina Kegemilangan Masa Hadapan*, Syarahan Inaugural, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Ahmad. Z.A. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Aman. I.(2010). *Analisis Wacana*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Effendy. T. (2003). *Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu*. Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu, Adicipta Karya Nusa.
- Effendy.T. (2011). *Kesantunan dan Semangat Melayu*. Pemerintah Kota Pekan Baru & Foundation.
- Hussain. A. (2017). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussin. M & Yahaya.S.R.(2022). Gaya Bahasa Kiasan dan Retorik dalam Titah Sultan Perak DYMM Sultan Nazrin Shah, *Global Journal Al-Thaqafah*, Universiti Sultan Azlan Shah, GJAT IDEC 2022, Vol 12(2), 136-152
- Ismail. M. A.(2021). *Tuntutan Rajin Kerja*, Harian Metro, <https://www.hmetro.com.my/>
- Jalaluddin. N. H.(2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin. N.H.(2018). *Perihal Parasit, Periuk Belanga dan Akal Budi Melayu dlm Semantik dan Interpretasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. (2011). Edisi Keempat. Departemen Pendidikan Nasional, Gramedia Pustaka Utama.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kiram. N.M (2002). *Kiasan Melayu dalam Pengucapan Awam : Satu Kajian Teks Ucapan* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya.
- Mat Hassan A. F & Zainon Hamzah. Z. A.(2008). Konsep Pemikiran Melayu Nusantara dalam Peribahasa Melayu. *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-4, 11-12 Nov. 2008*, Dewan Persidangan Pusat Pendidikan Luar, Universiti Putra Malaysia. 421-426.
- Mohamed. A & Jalaluddin. N. H.(2018). Abstraksi Objek Konkrit dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa* 18(2), 197-218.
- Mohd Zin. Z & Wan Idris. W.S.(2017). Kajian Persamaan Makna Peribahasa Melayu dan Peribahasa Jepun, *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun*.<https://ejournal.um.edu.my/>
- Omar. A.(1987). *Malay in its Sociocultural Context*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar. A.(2008). *Nahu Kemas Kini, Panduan Bahasa yang Betul*. PTS Press.

- Saimon. A & Md Rashid M. A.(2022). Konsep Kepimpinan dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif, *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 12(1), 6-17. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v12i1.6839>
- Salleh. M.(2020). *Peribahasa Melayu Pemeri Akal Budi*. Universiti Sains Malaysia.
- Sariyan. A.(2015). *Santun Berbahasa*. Edisi Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syah. N.A.(2019). Penggunaan Gaya Bahasa Penegasan pada Naskah Pidato Kenegaraan Presiden RI dalam Rangka Hari Proklamasi Kemerdekaan RI yang Ke-70, *Journal of Linguistics, Prasasti*, 4(2), November 2019, 144-155.
- Umar. F.(2018). *Peribahasa Nusantara (Peribahasa Daerah dari Aceh Sampai Papua)*, Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, Indonesia.
- Za'ba. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Edisi Ejaan Rumi Baharu (Za'ba). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahid. I.(2008).Perlambangan dalam Peribahasa Melayu Gambaran Kebijaksanaan Masyarakat Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam*.
- Zainon Hamzah. Z.A & Mat Hassan.A.F.(2011). “Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu.” *GEMA Online Journal of Language Studies* Volume 11.3 (2011): 31–50.
- Zainuddin. M.Z.(2023). *Kemahiran Pengucapan Awam*, Universiti Teknikal Malaysia.